

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO: JA-43-12-03/2024]**

ANTARA

PENDAKWA RAYA

lwn.

TEO WEE CHENG

(NO KAD PENGENALAN: 581107-01-5025)

PENGHAKIMAN

PENGENALAN

- [1] Tertuduh melalui peguamnya iaitu Tetuan Tan Hock Chuan & Co telah memfailkan Notis Permohonan di Lampiran (13) memohon Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru [Tuan HMS itu] dibawah s. 30 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 1964] untuk merujuk ke Mahkamah Tinggi persoalan undang-undang membabitkan isu Perlembagaan Persekutuan.
- [2] Pada 5.5.2024 Tuan HMS itu telah memutuskan permohonan yang difailkan oleh peguam Tertuduh di Lampiran (13) ditolak.
- [3] Tertuduh yang merasa terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu telah memohon semakan di Mahkamah Tinggi di bawah s. 323 (1) Kanun Tatacara Jenayah [KTJ]

- [4] Pada 28.5.2024, Mahkamah ini telah memutuskan untuk menolak permohonan Tertuduh untuk semakan. Mahkamah ini mengesahkan keputusan Tuan HMS itu iaitu menolak Lampiran (13).
- [5] Tertuduh yang terkilan dengan keputusan Mahkamah ini telah memfailkan Notis Rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia. Rayuan ini telah didaftarkan sebagai Rayuan Jenayah No: J-05-264-06/2024.

LATAR PENTAS KES

- [6] Secara ringkasnya fakta kes seperti berikut: Tertuduh menghadapi 9 pertuduhan dibawah s. 16 (a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta SPRM] di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru sebagaimana Kes Tangkap No: JA-62R-16-02/2023.
- [7] Mengikut Borang Aduan [BB 019369] Edayah Bte Brow, Pegawai SPRM telah membuat laporan yang menyatakan maklumat diterima membabitkan Tertuduh pada tahun 2020 hingga 2023 disyaki telah meminta wang rasuah daripada Liku Prestasi Sdn Bhd dan Muar Usaha Sdn Bhd sebagai balasan membantu syarikat-syarikat tersebut mendapatkan projek- projek di bawah Program Jana Wibawa berjumlah RM114 juta.
- [8] Tertuduh tidak mengaku bersalah atas ke semua pertuduhan. Tuan HMS itu telah menetapkan beberapa tarikh untuk pengurusan kes. Tuan HMS itu antara lainnya mengarahkan Tertuduh mematuhi peruntukan s. 62 Akta SPRM.
- [9] Tertuduh pada akhirnya memfailkan Lampiran (13) memohon persoalan undang-undang berkaitan keabshahan peruntukan s. 62 Akta SPRM.

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH

- [10] Sebelum Mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah diperturunkan peruntukan s. 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

"s. 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court."

- [11] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v. Public Prosecutor* [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 1 CLJ 35; [1987] 2 MLJ 69 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

"We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is:... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals."

- [12] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes **Liaw Kwai Wah & Anor** [supra], Mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan Mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya.

- [13] Secara ringkasnya peguam Tertuduh menghujahkan Tuan HMS itu terkhilaf apabila menolak Lampiran (13) kerana bergantung kepada Perintah **Mahkamah Persekutuan Rayuan Jenayah No: 05-195-08/2017 [P] [Kes 195]** dimana tiada penghakiman bertulis disediakan oleh Mahkamah Persekutuan. Tuan HMS itu juga dikatakan terkhilaf

kerana mengikuti kes Mahkamah Rayuan iaitu *Lim Guan Eng v. PP* [2022] MLJU 206 dimana Kes 195 diikuti. Dalam Kes 195, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan peruntukan s. 62 Akta SPRM berperlembagaan. Peguam Tertuduh menarik perhatian Mahkamah ini kepada kes *Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co v. PP* [2023] 4 MLJ 1 ada menyentuh keputusan tanpa penghakiman bertulis ianya tidak mengikat dalam konteks *stare decisis*.

- [14] Sebelum Mahkamah ini menyentuh lebih jauh lagi isu di hadapan Mahkamah, eloklah diperturunkan persoalan undang-undang yang di rangka oleh peguam Tertuduh bagi maksud peruntukan s. 30 Akta 1964 berbunyi seperti berikut:

"Sama ada seksyen 62 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) bercanggahan dengan Perkara 5 (1) dan Perkara 8 (1) Perlembagaan Persekutuan dalam mana seorang Tertuduh dikehendaki menyerahkan kepada pihak pendakwaan suatu Pernyataan Pembelaan yang menyatakan secara am jenis pembelaan dan perkara mengenai pendakwaan yang dibantah olehnya, dengan menyatakan sebabnya, dan suatu salinan mana-mana dokumen yang akan dikemukakan sebagai sebahagian daripada keterangan bagi pembelaan sebelum permulaan perbicaraan, yang mana ini melucutkan hak seseorang Tertuduh untuk berdiam diri ("right to silence") dan hak untuk mendapatkan satu perbicaraan yang adil ("right to a fair trial") dan hak untuk lindungan daripada membabitkan diri ("privilege against self-incrimination") yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan."

- [15] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu semasa menolak Lampiran (13) yang difailkan oleh Tertuduh mengikuti keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng [supra]* di mana menerima keputusan Mahkamah Persekutuan dalam Kes 195 walaupun tiada penghakiman secara bertulis. Persoalan undang-undang yang cuba

diketengahkan oleh Tertuduh di Lampiran (13) telah pun diputuskan dalam Kes 195 iaitu peruntukan s. 62 Akta SPRM berperlembagaan. Mahkamah ini bersetuju tiada keperluan untuk Tuan HMS itu merujuk persoalan undang-undang ke Mahkamah Tinggi.

[16] Mahkamah ini berpendapat walaupun terdapat keputusan terkini Mahkamah Persekutuan iaitu kes *Tetuan Wan Shahrizal, Hari & Co [supra]*, ia melibatkan fakta kes dan persoalan undang-undang yang berbeza.

[17] Tuan HMS itu terikat dengan keputusan Kes 195 dan kes *Lim Guan Eng [supra]* semasa memutuskan Lampiran (13). Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Muhammad Jamil Hussin H dalam kes *LIM GUAN ENG lwn. PP [2021] CLJU 1192* dimana menyatakan:

"[17] Mahkamah Persekutuan dalam kes Lim Guan Eng telah mengetepikan perintah Mahkamah Rayuan bahawa seksyen 62 Akta SPRM adalah tidak berperlembagaan dan memutuskan bahawa seksyen 62 Akta SPRM adalah berperlembagaan. Walaupun tiada penghakiman bertulis kita semua tahu bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan ialah seksyen 62 Akta SPRM adalah berperlembagaan. Ini dinyatakan dengan jelas dalam perintah Mahkamah Persekutuan bertarikh 14 Disember 2017 (ekshibit "LGE-3" affidavit pemohon). Oleh itu tiada lagi isu mengenai berperlembagaan seksyen 62 Akta SPRM."

Selanjutnya, YA dalam penghakimannya menyatakan:

"[18] Memandangkan Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa seksyen 62 Akta SPRM adalah berperlembagaan maka seksyen 62 Akta SPRM masih wujud dan masih berkuatkuasa. Mahkamah mesti memberi kesan kepada seksyen 62 Akta SPRM yang memperuntukan secara jelas berkenaan penyerahan

pernyataan pembelaan (defence statement) dan salinan apa-apa dokumen oleh tertuduh kepada pihak pendakwaan sebelum permulaan perbicaraan selepas kepatuhan pihak pendakwaan kepada seksyen 51A KTJ. Tidak lagi penting sama ada keputusan Mahkamah Persekutuan sejajar atau tidak sejajar dengan peruntukan seksyen 62 Akta SPRM. Dengan demikian tidak berbangkit apa-apa persoalan undang-undang yang serius berkaitan seksyen 62 Akta SPRM yang mana hanya boleh diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan seperti dihujahkan peguambela pemohon."

[18] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, Mahkamah ini berpendapat tiada alasan-alasan untuk menggunakan kuasa semakan sebagaimana yang dipohon oleh peguam Tertuduh. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu bertindak mengikut lunas undang-undang apabila menolak Lampiran (13).

KESIMPULAN

[19] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu mengikut prinsip nas duluan yang mengikat semasa menolak Lampiran (13). Beliau mengikut keputusan kes Mahkamah Rayuan dalam kes *Lim Guan Eng [supra]* dan Kes 195.

Bertarikh: 11 Julai 2024

(ABU BAKAR KATAR)

Hakim

Mahkamah Tinggi

Johor Bahru, Johor

KAUNSEL:

Bagi pihak pemohon - Tan Hock Chuan; T/n Tan Hock Chuan & Co
Suite 812, Tingkat 8, Blok F
Pusat Dagangan Phileo Damansara 1
No. 9, Jalan 16/11
46350 Petaling Jaya
Selangor

Bagi pihak pendakwaan - Law Chin How, Zander Lim Wai Keong & Nurul
Atiqah Mohamad Alias
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor
Kompleks Pejabat SPRM Johor
Peti Surat 6000
Jalan Persiaran Tanjung
81200 Johor